



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM SEJARAH

Tajuk: Kebebasan dengan Batasan

Nilai Teras: Bertanggungjawab

Masa: 1 jam

SK: 12.2 Perlembagaan Persekutuan

SP: K12.2.6 Menjelaskan kepentingan mematuhi undang-undang dalam kehidupan.

Objektif:

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat:

1. Menjelaskan sejarah perlembagaan negara.
2. Menyenaraikan **empat** kepentingan mematuhi undang-undang.
3. Menjana idea tentang tanggungjawab rakyat dalam memelihara Perlembagaan Persekutuan.

Aktiviti Literasi Sivik: Set induksi

1. Guru bersoal jawab dengan murid tentang sejarah perlembagaan negara.
2. Sejarah perkembangan perlembagaan negara bermula dari tahun 1877 hingga tahun 1957.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Guru menunjukkan gambar rusuhan kaum.
2. Guru bersoal jawab dengan murid tentang:
 - (a) Punca berlaku rusuhan
 - (b) Cara mengelak daripada terlibat
 - (c) Kesan rusuhan terhadap rakyat dan negara
 - (d) Kepentingan mematuhi undang-undang negara

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan mengadakan perbincangan secara meja bulat dengan memilih mana-mana tajuk berikut:
 - (a) Jenayah Membawa Padah
 - (b) Rakyat Berdisiplin Negara Maju
 - (c) Jati Diri Teras Perpaduan Bangsa
 - (d) Perlembagaan Malaysia Pengukuh Negara
3. Ketua kumpulan akan membuat pembentangan di hadapan kelas.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.
2. Kumpulan pertama akan mencadangkan tanggungjawab rakyat dalam memelihara Perlembagaan Persekutuan.
3. Kumpulan kedua akan menyatakan kesan jika rakyat tidak memelihara Perlembagaan Persekutuan.
4. Guru membuat rumusan tentang kepentingan Perlembagaan Persekutuan kepada rakyat dan negara.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)